

### PERUMAHAN



Keutamaan skim itu untuk pasangan suami isteri belum memiliki rumah pertama”

**Halimah Mohamed Sadique,**  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

## 6,298 daftar MyDeposit

➔ 1,469 permohonan dilulus babit bayaran RM39 juta

Oleh **Faris Fuad**  
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 6,298 pemohon sudah mendaftar di bawah Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) sejak 7 April 2016 hingga Oktober lalu.

Jumlah keseluruhan permohonan diterima dalam tempoh itu, membabitkan 230 pemohon bagi rumah di bawah RM100,000, diikuti rumah berharga RM101,000

hingga RM200,000 (978).

Bagi rumah berharga RM201,000 hingga RM300,000 (1,791), manakala kediaman RM301,000 hingga RM400,000 (1,772). Rumah berharga RM401,000 hingga RM500,000 pula dimohon (1,382), manakala kediaman RM501,000 ke atas (108).

Baki 37 pemohon dikategori sebagai *null* (harga rumah tidak diisi dalam sistem).

#### Pemohon penuhi syarat

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata hanya 1,469 permohonan diluluskan dengan jumlah bayaran mencecah RM39 juta.

Katanya, permohonan diluluskan selepas pemohon memenuhi syarat ditetapkan, termasuk berjaya mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan dalam tempoh 30 hari.

“Skim ini juga menawarkan pembiayaan 10 peratus daripada harga rumah atau maksimum RM30,000 kepada pemohon yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 hingga RM15,000 untuk membeli rumah berharga RM500,000 ke bawah.

#### Pasangan belum ada rumah

“Keutamaan skim berkenaan adalah pasangan suami isteri yang belum mempunyai rumah pertama. Bayaran dibuat terus kepada pemaju perumahan terbahit,” katanya kepada *BH*, semalam.

Mengenai peranan jawatankuasa khas MyDeposit, beliau berkata, ia diwujudkan bagi menyemak dan meneliti syarat kelayakan pemohon demi memastikan objektif skim MyDeposit dicapai.

Permohonan Skim MyDeposit bagi tahun depan dibuka pada 15 Disember lalu sehingga 15 Februari 2018.

